

# UMSSPRINT kongsi ilmu sukan bola sepak di SK Pekan Kota Belud

UB 29. 11. 2019 19



INSANIAH: Pelajar UMS dan murid SK Pekan Kota Belud menjayakan kursus bola sepak.

Oleh Henry Bating

**KOTA BELUD:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui program UMSSPRINT (UMSPrihatin) memberikan pendedahan dan perkongsian ilmu bidang sukan bola sepak kepada 60 murid SK Pekan Kota Belud berumur 10-12 tahun.

Jurulatih program Erwin Rusfian yang melaksanakan program itu bersama 36 pelajar UMS berkata, program itu memberi pendedahan kepada murid-murid di peringkat akar umbi tentang perkembangan sukan negara.

“Melalui program ini kangan pelajar UMS yang terlibat dapat mengembangkan lagi kemahiran insaniah melalui nilai kepimpinan, komunikasi, kerjasama, pemikiran kritis dan kebolehan menyelesaikan masalah,” katanya kepada media

semalam.

Erwin menegaskan melalui program itu segala kemahiran dapat diasah dan diglap di mana lima pelajar antarabangsa turut terlibat yang terdiri dari empat pelajar asal China dan seorang dari Afrika Selatan.

Pelajar dari Afrika Selatan Obinna Daniel Anuo berpendapat program itu sangat menyeronokkan kerana selain dapat berinteraksi dengan sesama pelajar tempat dapat pula mengenali masyarakat setempat di peringkat akar umbi.

Program itu mula dilaksanakan seawal pagi dan selesai jam 11 pagi dengan penyampaian hadiah kepada kumpulan peserta SK Pekan Kota Belud.

Program berkenaan dikelolakan melalui Kursus ES00403 Bola Sepak Seksyen 3.